



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**AL-QURAN: KALAMULLAH YANG MUKJIZAT**

**Tarikh Dibaca :**

**14 RABI'UL AKHIR 1443H/  
19 NOVEMBER 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**AL-QURAN: KALAMULLAH YANG MUKJIZAT****14 RABI'UL AKHIR 1443H / 19 NOVEMBER 2021**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَٰئِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحَافِظُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ وَصَفِيهِ وَحْيِيهِ مِنْ بَعْثَةِ اللّٰهِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ هَادِيًّا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَغَ الرِّسَالَةَ

وَأَدَى الْأَمَانَةَ وَنَصَحَّ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللّٰهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَزَرَّاهُ اللّٰهُ عَنَّا خَيْرًا مَا جَزَى

نَبِيًّا مِنْ أَنْبِيَائِهِ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى

آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ وَطَاعَتِهِ

لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Khatib berpesan pada diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk; “Al-Quran: Kalamullah Yang Mukjizat”.

Khatib ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan kendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu. Rasulullah SAW memberi ancaman kepada orang yang tidak mengendahkan seruan azan, sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةً لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ

**Mafhumnya:** “Sesiapa yang mendengar seruan azan lalu dia tidak mendatanginya maka tidak dikira sempurna solatnya melainkan jika ada keuzuran”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam Bahasa Arab, menerusi perantaraan Malaikat Jibril AS dan disampaikan kepada kita secara *mutawatir* yang dimulai dengan Surah al-Fatihah dan diakhiri dengan Surah al-Nas. Membacanya juga dikira ibadat. Belajar dan mengajarkannya juga merupakan suatu tuntutan sebagaimana disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Uthman ibn Affan RA:

خَيْرٌ كُوْنُكُوْنَ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ

**Maksudnya:** “Orang yang terbaik dalam kalangan kamu ialah yang belajar al-Quran dan mengajarkannya (pula)”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari**)

Allah SWT menurunkan al-Quran untuk menjadi panduan hidup manusia sebagaimana firman-Nya:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدَىٰ لِلْمُتَّقِينَ ،

**Maksudnya:** “Inilah dia Kitab al-Quran, tiada sebarang keraguan padanya yang menjadi petunjuk bagi orang yang bertakwa”. (**Surah al-Baqarah ayat 2**)

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Satu keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab *samawi* yang lain ialah nasnya dijamin dipelihara oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ،

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Kami yang telah menurunkan al-Quran dan hanyalah Kami pemeliharanya”.

Hal ini terbukti dengan catatan sirah, setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan para sahabat R.ANHUM dari kalangan sidang penulis wahyu untuk menulisnya. Hadith riwayat al-Tabrani merekodkan, bahawa Zaid bin Thabit berkata:

*“Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW dan Baginda membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: ‘Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis’. Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetulkan. Kemudian aku bawa wahyu tersebut keluar untuk dibaca kepada manusia”.*

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Apabila melewati zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, satu agenda baharu digerakkan untuk mengumpulkan al-Quran hasil cadangan Saidina Umar al-Khattab. Kesan daripada peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad, ramai penghafaz al-Quran gugur syahid dan merisaukan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq. Lantas, Saidina Abu Bakar telah mengarahkan dua orang sahabat iaitu Umar ibn al-Khattab dan Zaid bin Thabit untuk memulakan gerak kerja mengumpul dan menulis al-Quran.

Menurut Imam al-Suyuti, Zaid bin Thabit tidak akan menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah SAW dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata. Begitulah serius dan teliti para sahabat memelihara tinta Rabbani ini.

Semasa pemerintahan Khalifah Uthman ibn Affan RA pula, berlaku perselisihan bacaan al-Quran dalam kalangan umat Islam. Ada yang mendakwa bahawa bacaan al-Quran

merekalah yang betul dan bacaan lain adalah salah. Tanpa berlengah, satu lajnah telah dibentuk untuk menyalin Mushaf yang dianggotai oleh Zaid bin Thabit, Abdullah ibn Zubair, Said ibn al-'As dan Abdul Rahman ibn Harith. Tujuannya satu, agar umat Islam bersatu-padu dan tidak berpecah-belah dengan sebab bacaan al-Quran. Mereka telah menyalin al-Quran ke beberapa mushaf seterusnya dihantar ke kota-kota Islam bersama-sama dengan seorang guru.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Alhamdulillah, di Malaysia, kita bersyukur kerana tugas untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran dibawah bidang kuasa Kementerian Dalam negeri (KDN) menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Seramai 35 orang dari kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran menganggotai Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Taskeh Al-Quran), untuk memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum dibenarkan untuk dicetak.

Ketelitian lajnah dalam menyemak draf cetakan al-Quran melibatkan beberapa perkara penting iaitu mesti menepati Rasm Uthmani aliran Abu Daud Sulaiman ibn Najah dan Abu 'Amru al-Dani, menepati Ilmu Dabt aliran Khalil ibn Ahmad al-Farahidi dan ulama Masyariqah dan juga mesti berteraskan mushaf yang diterbitkan di Madinah al-Munawwarah dan yang diterbit di Universiti al-Azhar, Mesir. Hanya draf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan cetak.

Dari aspek penguatkuasaan pula, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepada berdasarkan aduan di mana-mana premis. Oleh sebab itu, dengan adanya penguatkuasaan dan kawalan, mushaf yang tersebar di negara ini terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Tanggungjawab memelihara kesucian dan ketepatan Mushaf al-Quran di Malaysia memerlukan kerjasama bersepada antara agensi kerajaan dengan orang ramai. Bagi

menjaga kesahihan dan mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan dan pemalsuan, maka orang ramai juga hendaklah memastikan setiap mushaf mempunyai kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran KDN. Jika didapati sebaliknya, maka bolehlah mengemukakan aduan ke pihak KDN negeri bagi tujuan siasatan, pemeriksaan dan penguatkuasaan.

Akhir sekali, semoga usaha kita menjaga kesucian Mushaf al-Quran dikira sebagai amal soleh di akhirat nanti. Allah SWT berfirman:

إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ

أَخْرَى كَبِيرًا،

**Maksudnya:** "Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar". (**Surah al-Isra' ayat 9**)

بَارَكَ اللَّهُ يٰ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
 وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔  
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
 بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
 النَّبِيِّ يَا يٰهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوْا عَلٰيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ۔  
 وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ۔  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ۔  
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مَهَا  
 مُولِيَا سُرِيَ قُدوَّكَ بِكِينِدا يُعَثِّرْ دُقْرُتوانِ اكْنُوْغُ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللّٰهِ۔  
 وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرْ مَهَا مُولِيَا سُرِيَ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَاسِورِيِّ اكْنُوْغُ، تُونِكُو  
 حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلَ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانَ  
 إِسْكَنْدَرَ الْحَاجَ۔

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزْرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Engkau angkat dan hilangkanlah wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

فَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْتَّغْيِيْعِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.